

CNS9760

R GB 13-05 00191 BB779

bah

Mahathir - Bolger

M'SIA DAN NEW ZEALAND BIMBANG TERHADAP PENCAPAIAN RUNDINGAN URUGUAY

Daripada K.C.Leong

I

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Malaysia dan New Zealand hari ini melahirkan kebimbangan mereka terhadap kurangnya kejayaan untuk mencapai kata sepakat dalam perbincangan perdagangan pelbagai hala yang liberal pada Rundingan Uruguay.

Pada masa yang sama, mereka juga berharap perundingan yang memakan masa lama itu mencapai kejayaan dan melihatnya sebagai komitmen penting pentadbiran Clinton untuk berusaha mencapai keputusan yang diharapkan.

Duta Malaysia ke Jepun, Mohamed Khatib Abdul Hamid, yang memberi taklimat kepada pemberita mengenai pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari New Zealand, James B. Bolger, berkata kedua-dua pemimpin juga membincangkan keadaan di Kemboja, kedudukan Asia dan Pasifik dalam ekonomi sedunia serta isu-isu dua hala.

Kedua-dua pemimpin mempunyai pandangan yang sama mengenai Kemboja dan berpendapat terdapat keperluan bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengekalkan keamanan di negara itu.

Mereka juga bersetuju bahawa rantau Asia Pasifik akan menjadi kuasa berpengaruh dalam ekonomi sejagat menjelang abad 21 dan terdapat keperluan mengekalkan perdagangan bebas dengan mencapai kata sepakat pada Rundingan Uruguay. -- Lagi

▼13/05/13-43MST

CNS9761

R GB 13-05 00200 BB780

bah

Mahathir - Bolger 2 (Akhir) Tokyo

Dr Mahathir, yang mengulangi bahawa Malaysia sentiasa mengamalkan perdagangan bebas, berkata adalah penting bagi Malaysia mengeksport dan negara mahu melihat Rundingan Uruguay berjaya.

Beliau berkata dalam sebarang perundingan memang terdapat sesetengah pihak yang akan rugi kerana tidak semua pihak boleh berjaya. Bagaimanapun, demi kebaikan bersama, perlu ada rejim bagi perdagangan bebas.

Bolger, yang menjemput rakyat Malaysia melabur di New Zealand berkata, negara itu telah melancarkan projek "Asia 200", iaitu satu siri seminar dan persidangan yang bertujuan menumpukan perhatian rakyat New Zealand kepada Asia bagi merebut peluang-peluang di Asia dan bergabung dengan Asia.

Beliau juga berkata, pelajar-pelajar Malaysia akan terus diterima dengan baik oleh New Zealand dan bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa adalah penting mengadakan pertukaran pelajar antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir memberitahu rakan sejawatannya dari New Zealand bahawa Malaysia sedang mengatur program mengadakan lebih banyak hubungan universiti kembar untuk mempercepatkan aliran pelajar di samping mengurangkan kos.

Mohamed Khatib berkata kedua-dua pemimpin melahirkan harapan melihat lebih banyak aktiviti perniagaan dan kebudayaan dua hala serta pertukaran pelajar. Bolger juga berkata Dr Mahathir dijemput melawat New Zealand. -- Bernama.

LKC ZU RON